



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 60
No. 15

20hb Julai 2017

TAMBAHAN
No. 2

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-Undang berikut yang akan dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri Perlis adalah diterbitkan untuk maklumat umum:

The following Bill about to be introduced in the Legislative Assembly of the State of Perlis is published for general information:

	Muka Surat Page
Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 2017	9
Administration of the Religion of Islam (Amendment) Enactment 2017	13

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006.

[]

DIPERBUAT UNDANG-UNDANG INI oleh Dewan Undangan Negeri Perlis seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Pindaan) 2017.

(2) Enakmen ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Penggantian seksyen 56

2. Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 [*Enakmen 4*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dengan menggantikan seksyen 56 dengan seksyen yang berikut:

“Pelantikan Ketua Hakim Syarie

56. (1) Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, selepas berunding dengan Majlis, boleh melantik seorang Ketua Hakim Syarie.

(2) Seseorang layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika dia—

- (a) seorang warganegara; dan
- (b) selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah atau Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau Kadhi atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana jawatan yang lain pula; atau
- (c) selama tidak kurang daripada lima belas tahun sebelum pelantikannya, memegang apa-apa jawatan selain yang dinyatakan dalam perenggan (b) di bawah Skim Pegawai Syariah dalam perkhidmatan awam am Persekutuan; atau
- (d) selama tidak kurang daripada lima belas tahun sebelum pelantikannya, telah menjadi Peguam Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa sebelum itu di mana-mana Negeri.

(3) Bagi maksud subseksyen (2) “Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah atau Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan “Pendakwa Syarie” ertinya Ketua Pendakwa Syarie atau Pendakwa Syarie.

Pentadbiran Agama Islam (Pindaan)

3

(4) Orang yang, sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa, memegang jawatan Ketua Hakim Syarie di bawah Enakmen terdahulu dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, terus memegang jawatan Ketua Hakim Syarie seolah-olah dia telah dilantik di bawah subseksyen (1).

(5) Pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.”.

Penggantian seksyen 58

3. Enakmen ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 58 dengan seksyen yang berikut:

“Pelantikan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah

58. (1) Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, selepas berunding dengan Majlis dan Ketua Hakim Syarie, boleh melantik Hakim-Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

(2) Seseorang layak dilantik di bawah subseksyen (1) jika dia—

(a) seorang warganegara; dan

(b) selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, telah memegang jawatan Hakim Mahkamah Rendah Syariah atau Kadhi atau Pendaftar atau Pendakwa Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa memegang mana-mana satu daripada jawatan itu dan pada masa yang lain memegang mana-mana jawatan yang lain pula; atau

(c) selama tidak kurang daripada sepuluh tahun sebelum pelantikannya, memegang apa-apa jawatan selain yang dinyatakan dalam perenggan (b) di bawah Skim Pegawai Syariah dalam perkhidmatan awam Persekutuan; atau

Rang Undang-Undang

(d) selama tidak kurang daripada lima belas tahun sebelum pelantikannya, telah menjadi Peguam Syarie sesuatu Negeri atau pada suatu masa sebelum itu di mana-mana Negeri.

(3) Bagi maksud subseksyen (2) “Pendaftar” ertinya Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah atau Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan “Pendakwa Syarie” ertinya Ketua Pendakwa Syarie atau Pendakwa Syarie.

(4) Orang yang, sebelum sahaja seksyen ini mula berkuat kuasa, memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di bawah Enakmen terdahulu dan melaksanakan fungsi-fungsi kehakiman hendaklah, apabila seksyen ini mula berkuat kuasa, terus memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah seolah-olah dia telah dilantik di bawah subseksyen (1).

(5) Tiap-tiap pelantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah disiarkan dalam *Warta*.”

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 [*Enakmen 4*].

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Enakmen yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan menggantikan seksyen 56 untuk meluaskan skop orang yang layak dilantik sebagai Ketua Hakim Syarie.

4. *Fasal 3* bertujuan menggantikan seksyen 58 untuk meluaskan skop orang yang layak dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan Negeri dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

KANGAR, PERLIS

Bertarikh

[JKSNPs. 100-1/1/1; PUN.Ps.EN. 4-2006/2017]

WAN JEFFRY BIN KASSIM
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perlis*

A BILL

i n t i t u l e d

An Enactment to amend the Administration of the Religion of Islam Enactment 2006.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Perlis as follow:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Administration of the Religion of Islam (Amendment) Enactment 2017.

(2) This Enactment shall come into operation on the date to be appointed by the Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah by notification in the *Gazette*.

Substitution of section 56

2. The Administration of the Religion of Islam Enactment 2006 [*Enactment 4*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended by substituting for sections 56 the following section:

“Appointment of Chief Syarie Judge

56. (1) The Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, after consulting the Majlis, may appoint a Chief Syarie Judge.

(2) A person is qualified for appointment under subsection (1) if he—

(a) is a citizen; and

(b) has for a period of not less than ten years before his appointment, been a Judge of the Syariah High Court or a Judge of the Syariah Subordinate Court or a Kadhi or a Registrar or a Syariah Prosecutor of a State or sometimes one and sometimes another.

(c) has for a period of not less than fifteen years before his appointment, been holding any post, other than those specified in paragraph (b), under the Syariah Officers’ Scheme in the general public service of the Federation; or

(d) has for a period of not less than fifteen years before his appointment, been a Peguam Syarie of a State or sometimes previously in any State.

(3) For the purpose of subsection (2), “Registrar” means Chief Registrar of the Syariah Appeal Court or Registrar of the Syariah High Court and “Syariah Prosecutor” means Chief Syarie Prosecutor or Syarie Prosecutor.

(4) The person who, immediately before the commencement of this section, was holding the post of Chief Syarie Judge under the previous Enactment and was performing judicial function shall, on the commencement of this section, continue to hold office as the Chief Syarie Judge as if he had been appointed under subsection (1).

Administration of the Religion of Islam (Amendment) 3

(5) The appointment under subsection (1) shall be published in the *Gazette*.”.

Substitution of section 58

3. The principal Enactment is amended by substituting for sections 58 the following section:

“Appointment of Syariah High Court Judges

58. (1) The Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah, after consulting the Majlis and the Chief Syarie Judge, may appoint Syariah High Court Judges.

(2) A person is qualified for appointment under subsection (1) if he—

(a) is a citizen; and

(b) has for a period of not less than ten years before his appointment, been a Judge of the Syariah Subordinate Court or a Kadhi or a Registrar or a Syariah Prosecutor of a State or sometimes one and sometimes another;

(c) has for a period of not less than ten years before his appointment, been holding any post, other than those specified in paragraph (b), under the Syariah Officers’ Scheme in the general public service of the Federation; or

(d) has for a period of not less than fifteen years before his appointment, been a Peguam Syarie of a State or sometimes previously in any State.

(3) For the purpose of subsection (2), “Registrar” means Registrar of the Syariah High Court or Chief Registrar of the Syariah Appeal Court and “Syariah Prosecutor” means Chief Syarie Prosecutor or Syarie Prosecutor.

(4) The person who, immediately before the commencement of this section, was holding the post of Syariah High Court under the previous Enactment and was performing judicial function shall, on the commencement of this section, continue to hold office as the Syariah High Court as if he had been appointed under subsection (1).

(5) The appointment under subsection (1) shall be published in the *Gazette*.”.

EXPLANATORY STATEMENT

This Bill seeks to amend the Administration of the Religion of Islam Enactment 2006 [*Enactment 4*].

2. *Clause 1* contains the short title and commencement of the proposed Enactment.

3. *Clause 2* seeks to substitute section 56 to extend the scope of persons eligible for appointment as a Chief Syarie Judge.

4. *Clause 3* seeks to substitute section 58 to expend the scope of persons eligible for appointment as Syariah High Court Judges.

FINANCIAL IMPLICATIONS

This Bill will not involve the State Government in any extra financial expenditure.

KANGAR, PERLIS

Dated

[JKSNPs. 100-1/1/1; PUN.Ps.EN. 4-2006/2017]

WAN JEFFRY BIN KASSIM

State Legal Adviser

Perlis

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA